

Sistem binaan berindustri dapat kurangkan harga rumah

Ipoh: Harga rumah termasuk kategori mampu milik akan menjadi lebih rendah pada masa depan berikutan peningkatan dalam penggunaan sistem binaan berindustri (IBS) di negara ini.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata penggunaan secara meluas IBS termasuk bagi projek perumahan kerajaan serta pertumbuhan rangkaiannya adalah satu kaedah mengurangkan harga jualan melalui pengurangan kos pembinaan kerana tempoh penyiapan projek jauh lebih singkat.

Guna IBS bina rumah

Beliau berkata, Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) kini menggunakan IBS sepenuhnya bagi projek pembinaan rumah mesra rakyat.

Katanya, penggunaan terhadap sistem itu bagi pembinaan rumah mampu milik pula akan diperluaskan.

“Di bawah SPNB, memang kita sudah buat (guna IBS) dan jual rumah pada harga RM65,000, RM55,000 dan RM45,000 tetapi kos pembinaan sebenarnya lebih rendah.

“Sekarang harga (jualan ru-



Ahmad Husni **pada sidang media selepas sesi wawancara bersama Perakfm** di RTM Ipoh, semalam.

[FOTO SUPIAN AHMAD/BH]

mah itu) lebih rendah walaupun dalam keadaan sektor dan sub sektor IBS belum berkembang, tetapi bayangkan jika sistem itu berkembang dan digunakan oleh PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) serta Kementerian Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kesejahteraan Bandar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi

wawancara bersama Perakfm di Radio Televisyen Malaysia (RTM) di sini, semalam.

Ahmad Husni berkata, beliau yakin penggunaan dan rangkaian perbekalan IBS akan meningkat, malah PR1MA sendiri sangat berminat menggunakannya.

“Kerajaan juga memberi insentif cukai (penggunaan IBS) dan Kementerian Kerja Raya sudah meluluskannya dengan

sebahagian projek kerajaan akan dimulakan. Kerajaan ada usaha, saya percaya dengan ada IBS harga rumah akan murah,” katanya.

Beliau memberi contoh di China dimana pembinaan sebuah hotel 30 tingkat dapat dibina hanya dalam tempoh dua minggu selain penggunaan meluas sistem sama di Filipina untuk membina rumah teres mempunyai tiga bilik dan dua bilik air yang dijual pada harga murah.

Pertambahan bajet

Sementara itu, Ahmad Husni berkata pertambahan Bajet 2016 merangkumi tiga perkara utama iaitu mempertahankan kemapanan ekonomi negara, meningkatkan kapasiti negara dan meringankan kos sara hidup rakyat.

Beliau berkata, tambahan sebanyak RM1 bilion bagi belanja mengurus dan RM3 bilion bagi belanja pembangunan bajet berkenaan, yang juga tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah bukti kerajaan mengambil serius dalam usaha untuk mengukuhkan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.